



## KENYATAAN MEDIA

## MENTERI EKONOMI

### **MENINGKATKAN KEMAHIRAN NEGARA MELALUI SISTEM VISA PEKERJA MAHIR ASING BERSEPADU DAN PENGGUNAAN KONTRAK BERASASKAN PRESTASI (*PERFORMANCE-BASED CONTRACT*) DALAM INDUSTRI PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN**

1. Isu kemahiran dan bakat di Malaysia, khususnya dalam bidang digital dan teknologi, merupakan salah satu pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Isu ini juga merupakan antara cabaran utama syarikat dalam berkembang, yang juga mengakibatkan kekurangan kerja yang bergaji dan bernilai tinggi. Oleh itu, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) ingin membuat dua (2) pengumuman setelah perbincangan dengan ahli-ahli dalam mesyuarat tadi.
2. Susulan keputusan pada Mesyuarat PEMUDAH Bilangan 3 Tahun 2023 pada 31 Mei 2023 yang lepas mengenai pemendekan masa proses visa pekerja mahir asing, PEMUDAH ingin mengumumkan bahawa sistem visa pekerja mahir asing bersepadu (*Single Window Approach*) dijadualkan go live pada 15 Jun 2023.
3. Proses permohonan Pas Penggajian (Employment Pass – EP) untuk ekspatriat menerusi *Single Window Approach* akan dilakukan secara berfasa. Semua pihak berkepentingan terutamanya Agensi Pelulus dan Agensi Kawal Selia yang terlibat secara langsung dalam pengurusan ekspatriat dikehendaki memperkemas tadbir urus dan proses kelulusan permohonan Pas Penggajian menerusi sistem baharu yang akan dikenali sebagai **Xpats Gateway**.

4. Fasa 1 melibatkan pembangunan Sistem *Xpats Gateway* oleh pihak TalentCorp. Agensi Pelulus dan Agensi Kawal Selia yang telah bersedia menggunakan *Xpats Gateway* akan dilaksanakan mulai 15 Jun 2023. Manakala Fasa 2 melibatkan Agensi Pelulus dan Agensi Kawal Selia seperti MDEC dan IRDA yang mempunyai sistem sedia ada dan memerlukan integrasi melalui Application Programme Interface (API) akan sedia digunakan selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2023.
5. Dalam proses permohonan baru ini, sektor Tier 1, Tier 2, dan sektor yang penting akan diproses dalam tempoh **5 hari bekerja**.
6. Sistem bersepadu yang disertakan dengan pemendekan masa dijangka akan mengurangkan birokrasi yang berkaitan dengan pengambilan bakat asing, di mana pengetahuan dan kemahiran mereka akan memanfaatkan negara. Konsep sistem bersepadu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperbaharui sistem kerajaan supaya lebih mesra pengguna dan dapat menjimatkan masa pemprosesan dalam urusan kerajaan.
7. Keputusan kedua yang telah dipersetujui oleh ahli-ahli PEMUDAH hari ini adalah mengenai penstrukturkan semula kontrak dalam industri pembersihan dan pencucian. Kaedah kontrak akan bertukar daripada kaedah kontrak berdasarkan bilangan pekerja (*headcount-based*) kepada **kontrak berdasarkan prestasi (performance-based)**.
8. Dengan pelaksanaan kontrak berdasarkan prestasi, kontraktor harus mematuhi kriteria tertentu, yang merangkumi pelan peningkatan produktiviti, inovasi, dan teknologi, di samping kriteria operasi, harga, kualiti, dan rekod kerja. Kontraktor akan dinilai mengikut markah bulanan dan akan dibayar mengikut prestasi yang dicapai.
9. Pelaksanaan ini mampu mengubah industri pembersihan dan pencucian daripada industri yang intensif buruh dan berkemahiran rendah kepada industri yang berkemahiran tinggi dan berasaskan teknologi. Ini juga akan memberi impak kepada struktur ekonomi dengan memajukan industri ke rantaian nilai yang lebih tinggi, di samping menarik pekerja tempatan kembali ke sektor ini.

10. Kerajaan akan memulakan dengan perlaksaan rintis (*pilot*) dengan kaedah baharu ini di tempat yang berimpak besar, sebelum melaksanakannya di seluruh negara.

**RAFIZI RAMLI**

**31 MEI 2023**